



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 16 Tahun 2022

PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN NOMENKLATUR (GELARAN JAWATAN) PENYELENGGARA STOR KEPADA KERANI BIDANG PENGURUSAN STOR

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penambahbaikan nomenklatur (gelaran jawatan) Penyelenggara Stor kepada Kerani bidang Pengurusan Stor.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 64 pada 3 Februari 2022 telah bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan nomenklatur (gelaran jawatan) Penyelenggara Stor kepada Kerani bidang Pengurusan Stor.

PELAKSANAAN

3. Proses pelaksanaan penambahbaikan gelaran jawatan Penyelenggara Stor kepada Kerani bidang Pengurusan Stor adalah seperti berikut:

Bil	Skim Perkhidmatan	Nomenklatur Asal	Skim Perkhidmatan	Nomenklatur Baharu	Bidang
1		Penyelenggara Stor Tertinggi		Kerani Tertinggi	
2	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Penyelenggara Stor Kanan	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Kerani Kanan	Pengurusan Stor
3		Penyelenggara Stor		Kerani	

4. Penambahbaikan nomenklatur (gelaran jawatan) ini **tidak** akan mengubah apa-apa ketetapan dan perbekalan sedia ada termasuk Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor (BITPS) yang sedang diterima oleh penyandang, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1999 Elaun Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor (BITPS) yang melayakkan pemberian BITPS kepada penyandang di skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor sepenuh masa sebagai galakan untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang pengurusan stor dengan kadar serta peraturan yang telah ditetapkan.

6. Walau bagaimanapun, sekiranya penyandang bertukar jabatan dan tidak lagi menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor secara sepenuh masa, penyandang **tidak layak** untuk diberikan BITPS.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada 8 April 2022.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 15 April 2022.



HAJI MUHAMAD NIZAM NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Ketua Skim Perkhidmatan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 16/2022)